

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH
BIN MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang telah diberhentikan semenjak Mac hingga Oktober 2020 dan nyatakan bidang atau jenis pekerjaan yang terlibat serta nyatakan setakat manakah keberkesanan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*) dan langkah Kerajaan membantu nasib pekerja yang cuti tanpa gaji.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan rekod **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)**, seramai **77,988** orang pekerja telah diberhentikan dari Mac hingga **16 Oktober 2020**.

2. Rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) juga menunjukkan kes kehilangan pekerjaan adalah melibatkan bidang pekerjaan seperti berikut;

- i. Pertamanya melibatkan kategori pengurus iaitu seramai 11,584 orang pekerja diberhentikan;
- ii. Kedua adalah kategori profesional iaitu seramai 22,647 orang pekerja diberhentikan;
- iii. Ketiga adalah kategori juruteknik dan profesional iaitu seramai 17,019 orang pekerja diberhentikan;
- iv. Keempat adalah kategori pekerja sokongan dan perkeranian iaitu seramai 7,786 orang pekerja diberhentikan;
- v. Kelima adalah operator mesin, loji dan pemasangan iaitu seramai 10,423 orang pekerja diberhentikan; dan
- vi. Keenam adalah kategori pekerja perkhidmatan dan jualan iaitu seramai 10,423 orang pekerja diberhentikan.

3. Keberkesanan beberapa inisiatif di bawah **Program Insentif Pengambilan Pekerja (Hiring Incentive Programme)**, yang dilaksanakan oleh Kementerian sehingga 22 Oktober 2020 adalah seperti berikut;

- i. Program **MyApprentice** – Seramai **4,433** calon telah berjaya ditempatkan di bawah program **MyApprentice**;

SOALAN NO : 17

- ii. Program **HireMalaysia** - Seramai **51,020** pekerja berjaya ditempatkan bagi umur bawah 40 tahun ke bawah dan **7,705** orang pekerja bagi 40 tahun ke atas;
- iii. Insentif Pengambilan Pekerja Tempatan dari golongan **Orang Kurang Upaya (OKU)**. Seramai **322** Orang Kurang Upaya (OKU) berjaya ditempatkan;
- iv. **Bantuan Mobiliti** - Seramai **3,477** orang pekerja telah mendapat faedah melalui Bantuan Mobiliti ini;
- v. Program **latihan** - Seramai **7,759** orang pekerja telah mendapat manfaat dari program latihan; dan
- vi. Portal **MYFutureJobs** - Sejak **MyFutureJobs** diperkenalkan, sebanyak **301,244** kekosongan jawatan dan **294,256** pencari kerja telah didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi membantu majikan agar dapat mengekalkan pekerja-pekerja mereka terutamanya pekerja yang telah diberi notis cuti tanpa gaji (CTG), Kerajaan telah mengambil **langkah** memperkenalkan **Employment Retention Programme (ERP)**. Sehingga 16 Oktober 2020, program ini telah berjaya membantu seramai 340,252 pekerja melibatkan RM211.33 juta.

5. Program Subsidi Upah pula adalah bertujuan untuk membantu majikan yang terkesan supaya dapat meneruskan operasi syarikat. Sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak 331,950 majikan melibatkan 2.7 juta pekerja telah menerima manfaat melibatkan bayaran sebanyak RM11.9 bilion.

Sekian, terima kasih.